

89,798 kes tipu dalam talian catat kerugian RM3 bilion

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) merekodkan sebanyak 89,798 kes penipuan jenayah dalam talian bagi tempoh 2017 hingga Jun 2022 membabitkan nilai kerugian hampir RM3 bilion.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Seri Ismail Mohamed, berkata kes penipuan jenayah dalam talian paling tinggi direkodkan ialah pembelian dalam talian, iaitu 32,791 kes.

“Dalam tempoh sama, sebanyak 42,884 tangkapan dibuat dengan 25,891 daripada dibawa kepada pertuduhan atas kesalahan terbabit,” katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Datuk Zakaria Mohd Edris (BERSATU-Libaran) yang mahu Kementerian Dalam Negeri menyatakan tindakan diambil bagi membanteras jenayah komersial membabitkan penipuan dalam talian.

Bekerjasama dengan BNM

Pada masa sama, Ismail berkata, kementerian itu juga turut bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia (BNM) bagi meminda undang-undang membabitkan Seksyen 116 Kanun Tata Jenayah, untuk memberi kuasa kepada pegawai penyiasat untuk membebankan akaun bank digunakan bagi aktiviti jenayah.

“Selain itu, cadangan pindaan juga membabitkan Seksyen 424 Kanun Keseksaan bagi peruntukan hukuman terhadap kesalahan pemegang bank akaun itu sendiri yang membenarkan kegunaan pihak ketiga bagi tujuan aktiviti jenayah itu,” katanya.

Terdahulu, Fahmi Fadzil (PH-Lembah Pantai) turut berkongsi pengalaman di mana ibunya yang juga bekas pegawai tadbir dan diplomatik (PTD) menjadi mangsa penipuan dalam talian membabitkan kerugian RM75,000 di akaun Tabung Haji, pada Mac lalu.

“ Kes penipuan
jenayah dalam talian
paling tinggi direkod
ialah pembelian dalam
talian, iaitu
32,791
kes ”



***Ismail Mohamed,
Timbalan
Menteri
Dalam
Negeri I***
